

**ta Tinggi:** Lebih 500 spesies termasuk 230 spesies tumbuhan berbunga dijumpai dan direkodkan di Hutan Simpan Panti di sini. Semua spesies itu direkodkan hasil penganjuran ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan sepanjang lima hari bermula 21 os lalu.

Pengarah Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) Datuk Sa'ad Aman berkata, 230 spesies tumbuhan berbunga yang ditemui membabitkan pat spesies endemik dan rekod baru.

Katanya, selain itu, terdapat juga 230 spesies tumbuhan herba, 50 spesies fungi, beberapa spesies ikan dan 11 spesies hama.

Turut direkodkan 17 spesies pepatung, tujuh spesies ou-kupu, 50 spesies seti, lapan spesies belalang mi, 39 spesies labah-laba, 20 spesies katak tersuk satu rekod baru dan spesies reptilia termasuk ah rekod baru.

Juga direkodkan ialah 52 spesies ikan, 128 spesies buang termasuk spesies ikon negara iaitu Malaysian Rail Sabler dan beberapa lagi spesies fauna seperti Long Cenakah, landak Raya, an Golden Cat, Barking Cat dan Flat-headed cat,"

enganjuran ekspedisi itu dilancarkan bersama Jabatan Perhutani Semenanjung

# Lebih 500 spesies hidup di Hutan Simpan Panti



NEPENTHES Rafflesiana yang ditemui dalam ekspedisi lima hari.



MENGKARUNG Hutan antara spesies baru yang ditemui.

Malaysia (JPSM), JPNJ dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), diketuai Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan dan Inovasi) UTHM Profesor Dr Mohd Shahir Shamsir Omar. Menurut Salim, tujuan



POLYPEDATES colletii antara spesies yang dijejaki di Hutan Simpan Panti.



BURUNG Takau Hitam Kuning juga ditemui.

ekspedisi saintifik kali ini untuk mengumpulkan data dan maklumat mengenai kepelbagaian biologi hutan terkini, khususnya hutan simpanan kekal.

Katanya, ia juga dapat membantu penyelidik dan

pembuat dasar khususnya Kerajaan Negeri dalam pengurusan dan pemeliharaan sumber alam semula jadi negara.

"Pemilihan kali kedua Hutan Simpan Panti sebagai kawasan kajian ekspedisi selepas ekspedisi pertama pada tahun 2006, selaras dengan hasrat untuk membangunkan kawasan Hutan Simpan Kekal Panti satu kawasan konservasi khas iaitu *Panti Conservation Area* (PCA).

"PCA ini berkonsepkan pengurusan bersepadu yang berorientasikan konservasi kepelbagaian biologi, penyelidikan dan pendidikan serta diintegrasikan dengan pembangunan ekopelancongan," katanya.

Ekspedisi disertai seramai 126 individu membabitkan sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu UTHM, UPM, UTM, UKM, UiTM, UMT, UMK, UM dan USM serta dua institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) iaitu UNM dan UCAM serta sebuah institusi penyelidikan swasta, Technichem (M) Sdn Bhd. Ia turut membabitkan tiga agensi Kerajaan iaitu Jabatan Perhilitan, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains. Turut terbabit dua institusi penyelidikan iaitu FRIM dan Mardi serta tiga badan bukan kerajaan (NGO) iaitu MNS, NEST dan Ecoexplorers Malaysia.